



Najib menyampaikan Anugerah Personaliti Pelancongan kepada Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Tan Sri Khalid Ramli pada majlis LITA 2015 di LICC, Langkawi, malam tadi. [FOTO AMRAN HAMID /BH]

Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0 pacu potensi

» Pulau pelancongan bertaraf dunia diberi konsep, jenama tersendiri

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

► Langkawi

Datuk Seri Najib Razak mahu potensi Langkawi sebagai antara pulau pelancongan utama dunia diperkembang menerusi Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0 yang giat dirangka.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Langkawi memerlukan konsep dan jenama tersendiri untuk memastikan namanya terus gah dan dikenali, bukan sahaja oleh kumpulan pelancong sedia ada tetapi juga golongan berpendapatan tinggi selaku tumpuan utama.

Katanya, Langkawi perlu muncul sebagai 'Monaco Timur' untuk pelancongan mewah sambil mengekalkan tarikannya kepada pelancongan massa.

"Kita tidak nafikan keindahan dimiliki menjadi keunikan utama, namun konsep

pembangunan Langkawi mesti merangkumi dua perkara.

"Pertama ialah *mass tourism* (pelancongan massa) sudah berjaya. Apa yang belum ada ialah pelancong berstatus mewah dan berpendapatan tinggi. Ruang itu ada, cuma kita belum sampai ke tahap itu.

Hala tuju lebih jelas

"Itu visi saya untuk Langkawi dan sebab itulah saya setuju Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0 disediakan dalam masa terdekat untuk memberi hala tuju lebih jelas, sekali gus menambah keyakinan sektor swasta untuk melabur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Anugerah Pelancongan Langkawi (LITA) 2015 di Pusat Persidangan Antarabangsa Langkawi (LICC) di sini, malam tadi.

LITA 2015 dianjurkan kali kelima tahun ini sebagai pengiktirafan kepada penggiat industri pelancongan Langkawi melalui 29 kategori dipertandingkan, dengan 179 pencalonan diterima keseluruhan.

Antara pemenang ialah wartawan sambilan BH/Harian Metro, Hamzah Osman, yang mengungguli kategori Artikel Pelancongan Terbaik menerusi rencana 'Muzium 3D Terbesar' disiarkan kolum *Santai Harian Metro*.

Perdana Menteri yakin Langkawi mempunyai masa depan

cerah dan mahu pulau itu dilihat sebagai destinasi berjenama kuat seperti Bali di Indonesia.

"Satu lagi kekuatan Langkawi ialah statusnya yang selamat, tenang dan aman.

"Kita akan menjadi premium jika mampu memastikan keselamatan dan ketenangan. Jika Langkawi memiliki kelebihan tambahan lain, ia adalah modal besar untuk dijual kepada pelancong," katanya.

Perdana Menteri berkata, Langkawi juga harus mula menyasarkan pelancong Russia yang banyak ke Phuket dan Bangkok di Thailand, selain dari China dan negara ASEAN lain seperti Singapura.

"Saya setuju Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0 disediakan dalam masa terdekat untuk memberi hala tuju lebih jelas, sekali gus menambah keyakinan sektor swasta untuk melabur"

Najib Razak,
Perdana Menteri



Hamzah bersama sijil dan trofi yang dimenangi selepas mengungguli kategori Artikel Pelancongan Terbaik sempena LITA 2015, malam tadi. [FOTO SHAHRIZAL MD NOOR/BH]